

08/05/2002

BN sedia ubah kaedah penggiliran KM Sabah

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Barisan Nasional (BN) bersedia mengubah kaedah penggiliran Ketua Menteri Sabah jika menerima cadangan yang difikirkan sesuai, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, BN sudah mengubah suai format sistem itu sebelum ini dengan pemimpin Umno akan memegang jawatan itu berselang-seli dengan setiap satu daripada dua lagi masyarakat di Sabah, tetapi masih digilirkan setiap dua tahun.

Bagaimanapun, katanya, Parti Maju Sabah (SAPP) boleh mengemukakan cadangan kepada BN pusat berhubung sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah yang ada sekarang.

"Kelebihan kini diberikan kepada parti terbesar (Umno) di negeri itu, tetapi terpulang kepada SAPP untuk membuat cadangan jika mahu jawatan Ketua Menteri itu dikekalkan kepada mana-mana pihak.

"Tak tahulah kalau dia orang bersetuju nak kaji, mereka boleh kaji, tapi kita (BN) dah ubah suai yang itu (sistem penggiliran) kerana Umno begitu besar dan berfungsi di Sabah.

"Walaupun kita ada giliran, ia tidak seperti dulu. Yang ini parti orang Cina menjadi Ketua Menteri, lepas itu Umno, lepas itu Kadazan dan lepas itu Umno balik," katanya selepas menyampaikan ucap tama pada Persidangan Ketujuh Menteri-Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee, Ahad lalu bahawa BN perlu membuat keputusan sebelum pilihan raya negeri akan datang sama ada sistem penggiliran untuk jawatan Ketua Menteri Sabah perlu diteruskan atau diubah suai menggunakan formula baru.

Sistem penggiliran itu diperkenalkan apabila BN mengambil-alih tampuk pemerintahan kerajaan negeri pada Mac 1994 bagi membolehkan pemimpin masyarakat Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam dilantik sebagai Ketua Menteri atas dasar penggiliran untuk dua tahun.

Tahun lalu, sedikit perubahan dilakukan kepada sistem itu apabila Datuk Chong Kah Kiat dilantik memegang jawatan itu.

Mengikut format baru itu, jawatan berkenaan masih digilirkan setiap dua tahun tetapi pemimpin Umno akan memegang jawatan itu berselang dengan setiap satu daripada dua lagi masyarakat berkenaan.

Sebagai contoh, apabila penggal bagi masyarakat Cina berakhir pada Mac depan, jawatan itu akan berpindah kepada Umno, selepas itu kepada Bumiputera bukan Islam.

Sebuah lagi parti komponen BN di negeri itu, Pertubuhan Bersatu Pasok Momogun Kadazandusun Murut melalui presidennya Tan Sri Bernard Dompok berkata adalah suatu idea yang baik untuk membincangkan sistem penggiliran itu.

(END)